

MELANGKAH KE ALAM PERKAHWINAN PADA USIA MUDA

Oleh: Wan Rawaida Nadiah binti Wan Mohd Nazri, 1171295,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 23 Ogos 2020



Jika anak perempuan anda yang berusia di antara 18 hingga 24 tahun memaklumkan dia mahu berkahwin, ia bukanlah sesuatu yang membimbangkan.

Dalam zaman moden ini, masyarakat malah ibu bapa merasakan ia umpama permintaan yang bakal menyekat segala potensi mereka dalam kehidupan.

Bersediakah golongan ini melalui alam rumah tangga? Masih relevankah ungkapan ‘kahwinkan saja budak ini, selesai masalah’?

Kahwin muda adalah sesuatu yang normal pada zaman datuk nenek kita dan fenomena itu mula berkurangan pada akhir 1990-an.

Namun, pada era globalisasi ini, trend kahwin awal sekitar umur 18 hingga 24 tahun termasuk berkahwin ketika masih belajar nampaknya menjadi kebiasaan dalam kalangan anak muda.

Tiada salahnya berkahwin pada usia yang awal selagi pasangan tersebut mampu memikul tanggungjawab sebagai seorang pelajar dan isteri atau suami.

Allah SWT berfirman yang bermaksud, “Dan kahwinlah orang-orang bujang di antara kamu dan orang-orang yang layak berkahwin dari hamba yang lelaki dan perempuan. Jika mereka miskin, Allah akan memberikan kemampuan kepada mereka dengan kurnia-Nya. Dan Allah Maha Luas pemberian-Nya lagi Maha Mengetahui”.



Ayat tersebut merupakan janji Allah SWT bahawa apabila lelaki dan perempuan itu berkahwin, Allah SWT akan murahkan rezeki mereka.

Tanpa kita sedari, Allah SWT akan memberikan rezeki dari segi harta, anak sekiranya pasangan itu berkahwin semata-mata untuk mendapat rahmat dan keredaan-Nya. Sehubungan itu, pasangan

muda yang ingin berkahwin tidak perlu gusar memikirkan kewangan selepas kahwin sehingga sanggup hidup berhutang.

Jika seseorang pemuda telah berkenan dengan seorang wanita dan ingin menjadikannya permaisuri di hati mereka, ajaklah ibu bapa berbincang untuk melanjutkan hubungan mereka ke alam perkahwinan.

Menjalinkan hubungan yang sah adalah lebih baik daripada si lelaki berkhayal tentang wanita yang dia minati.

Hatinya akan lebih tenang apabila mereka sah menjadi suami isteri dan setiap pandangan juga mendapat pahala daripada Allah SWT.

Lelaki yang ingin menamatkan masa bujang pada usia yang muda harus sentiasa sedar tentang tanggungjawabnya sebagai suami kelak dan perlu bersikap lebih matang untuk mengemudi perkahwinan. Suami perlu matang mendidik dan mengawal isteri kerana wanita muda selalunya mempunyai fikiran yang kurang matang dan rasional.

Jadi, lelaki harus memainkan peranan untuk membimbing isteri ke jalan yang Dia redai dengan penuh hikmah dan sabar. Kahwin muda juga dapat menjaga pandangan dan kehormatan. Sekiranya seorang pelajar sudah mempunyai pasangan tetapi tidak mampu mengelak diri daripada melakukan perkara-perkara maksiat, dan puasa masih tidak mampu menghalang mereka berbuat maksiat, maka wajib mereka berkahwin.

Mengapa mengusung anak dara orang ke sana ke sini seandainya tiada niat untuk berkahwin?

Ia hanya menambah dosa dan merendahkan martabat lelaki dan wanita tersebut.

Tiada salahnya berkahwin pada usia muda kerana perkahwinan mempunyai banyak berkat. Malah pintu rezeki terbuka luas bagi orang yang berkahwin.

Perbuatan maksiat seperti zina juga dapat dielakkan dan mengurangkan kes pembuangan bayi yang semakin berleluasa.

Oleh itu, ibu bapa perlu menyokong sekiranya anak mahu berkahwin. Namun, pastikan dahulu anak mereka layak dan mampu memikul tanggungjawab sebagai suami atau isteri pada usia yang muda.